



## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN

### **Pembukaan Pemeriksaan Kenderaan Motor kepada Pihak Berkelayakan Lain Dan Pelanjutan Konsesi Perkhidmatan PUSPAKOM**

1. Pada 17 Mac 2023, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan motor yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dibuka kepada mana-mana pihak yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas konsesi semasa kepada PUSPAKOM tamat tempoh pada 31 Ogos 2024.
2. Proses pelawaan pihak-pihak yang berminat dalam perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan motor dijangka akan bermula selewat-lewatnya dalam suku pertama tahun 2024.
3. Keputusan tersebut adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran perkhidmatan yang berdaya saing serta memudahkan seluruh rakyat Malaysia.
4. Ketetapan ini bermakna pihak PUSPAKOM tidak lagi akan menjadi penyedia tunggal perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bermula pada 1 September 2024.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

5. Bagi melaksanakan keputusan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama JPJ akan membangunkan syarat-syarat kelayakan, peraturan pengoperasian, skop perkhidmatan, penetapan lokasi pemeriksaan dan garis panduan bagi pihak-pihak lain yang berminat menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor.
6. Bagi memastikan keseragaman peraturan dan keadilan dalam aspek persaingan, mana-mana pihak yang berminat menyediakan perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan motor akan diwajibkan untuk memenuhi semua syarat dan peraturan sama yang telah dikenakan kepada PUSPAKOM di bawah Perjanjian Konsesi termasuklah:
  - i) Kewajiban melantik pekerja yang memenuhi syarat kelayakan ditetapkan sahaja;
  - ii) Menyedia dan menggunakan peralatan pemeriksaan berkomputer yang dikawal selia dan diluluskan oleh JPJ;
  - iii) Menyediakan perkhidmatan dengan mematuhi skop, standard dan prosedur pemeriksaan motor yang ditetapkan sepenuhnya;
  - iv) Hanya boleh mengenakan kadar fi pemeriksaan yang telah ditetapkan sahaja; dan
  - v) Tidak dibenarkan sama sekali menawarkan perkhidmatan pembaikan atau ubah suai kenderaan serta penjualan alat ganti.
7. Pihak JPJ akan secara berterusan mengaudit dan memantau semua pihak yang menyediakan perkhidmatan tersebut bagi memastikan pematuhan, kualiti dan integriti pemeriksaan. Mana-mana pihak yang didapati melanggar





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

apa-apa syarat ditetapkan boleh dikenakan penalti atau dibatalkan kebenaran menjalankan pemeriksaan terlibat.

8. MOT juga akan memastikan bahawa pembukaan pemeriksaan berkala kepada pihak-pihak lain tidak menyumbang kepada elemen persaingan tidak sihat serta membawa kesan negatif kepada penyediaan perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan motor di bawah Akta 333.
9. MOT sedang dalam proses memuktamadkan semua syarat-syarat permohonan/pengoperasian dan dokumen tawaran berkaitan penyediaan perkhidmatan pemeriksaan berkala oleh pihak-pihak yang berminat. Justeru, proses pelawaan ini dijangka akan hanya bermula selewat-lewatnya dalam suku pertama tahun 2024.
10. Mana-mana pihak yang berjaya memenuhi semua syarat ditetapkan akan dipelawa dan dibenarkan beroperasi sebagai pusat pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak JPJ pada masa hadapan.

### **Penyambungan Perjanjian Konsesi**

11. Mengenai Perjanjian Konsesi PUSPAKOM semasa yang pernah dilanjutkan selama 15 tahun pada tahun 2009, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk melanjutkan perjanjian tersebut untuk tempoh yang sama, berkuatkuasa 1 Sept 2024 dengan penambahbaikan terma-terma perjanjian sedia ada.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

12. Keputusan ini mengambil kira bahawa pihak PUSPAKOM telah menjalankan fungsi pemeriksaan terlibat bagi pihak JPJ dengan baik dan memenuhi tahap perkhidmatan yang ditetapkan.
13. Namun, PUSPAKOM telah diminta untuk melaksanakan beberapa penambahbaikan termasuklah:
  - (i) Pindaan ke atas prosedur dan skop pemeriksaan berkala yang ditetapkan bagi meningkatkan tahap kualiti dan integriti pemeriksaan seperti memperluaskan elemen automasi dan penggunaan peralatan komputer.

Proses pemeriksaan akan dimodernkan sesuai dengan perkembangan teknologi semasa dengan penggunaan peralatan komunikasi teknologi tinggi/sensor/kamera bagi membolehkan pemeriksaan dipantau secara masa sebenar di atas talian oleh pengguna/MOT/JPJ;

- (ii) Meningkatkan tahap kompetensi kakitangan dengan penyediaan sistem latihan pembangunan sumber manusia yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan semasa;
- (iii) Menambahbaik proses penempahan dan aduan pelanggan;
- (iv) Memasang sistem CCTV di semua pusat pemeriksaan bagi tujuan kawalan dan pemantauan masa sebenar;





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- (v) Menambahbaik skop pemeriksaan kenderaan seperti pemeriksaan dalaman, pemeriksaan *under body* dan pemeriksaan motosikal bagi meningkatkan tahap keselamatan teknikal dan *road-worthiness* kenderaan di atas jalan terutamanya melibatkan kenderaan pengangkutan awam dan barang;
- (vi) Melaksanakan proses penyegaran atau penambahbaikan peralatan pemeriksaan kenderaan (“*equipment refresh*”);
- (vii) Pembangunan pusat pemeriksaan baharu termasuk “*flagship centre*” di lokasi yang dipersetujui atas keperluan perkhidmatan di lokasi yang memerlukan; dan
- (viii) Pindaan kepada skop/element *Key Performance Indicator* (KPI) bagi menambahbaik elemen/komponen auditan, aspek tadbir urus, tahap penyampaian perkhidmatan, kualiti auditan dan kadar penalti yang akan dikenakan.
14. Pihak JPJ juga akan turut menambahbaik aspek pemantauan, pengawalseliaan dan auditan ke atas semua pusat dan aktiviti pemeriksaan PUSPAKOM di sepanjang tempoh Perjanjian Konsesi berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

Loke Siew Fook

Menteri Pengangkutan





-TAMAT-

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Lu Wei Hoong**  
**Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pengangkutan**  
Tel +6013-2533623

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

